

AMYDRAMINE PAEDIATRIC SYRUP

Diphenhydramine HCl/ Sodium Citrate/ Menthol (7mg/28.5mg/0.55mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Amydramine
2. Bagaimana Amydramine berfungsi
3. Sebelum mengambil Amydramine
4. Cara menggunakan Amydramine
5. Semasa menggunakan Amydramine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Amydramine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Amydramine

Amydramine digunakan untuk merawat dan melegakan batuk dan meredakan kesesakan hidung dan bronkial (salur udara yang membawa udara ke paru-paru) untuk kanak-kanak 2 tahun ke atas.

Bagaimana Amydramine berfungsi

Diphenhydramine HCl berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alahan. Kesan pengeringannya ke atas tanda-tanda seperti mata berair dan hidung berair adalah disebabkan oleh penyekatan bahan semulajadi yang dihasilkan oleh badan anda (asetilkolina).

Menthol mempunyai kesan anestetik (mengurangkan atau menghilangkan rasa sakit) yang ringan dan ciri-ciri dekongestan. Ia juga selalu digunakan untuk gangguan saluran pernafasan dan untuk melegakan gejala bronkitis (keradangan dalam saluran udara yang membawa udara ke paru-paru), sinusitis (radang sinus) dan gejala-gejala yang serupa.

Sodium citrate dan *menthol* ditambah ke dalam formula Amydramine sebagai agen demulsen (membantu melegakan batuk).

Sebelum mengambil Amydramine

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan ambil Amydramine jika anda hipersensitif terhadap antihistamina

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Amydramine jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Amydramine jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*

Tidak sesuai digunakan di kalangan kanak-kanak yang berumur di bawah 2 tahun.

Gunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor/ahli farmasi bagi kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 6 tahun.

Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika terjejas, jangan memandu kenderaan bermotor atau mengendalikan jentera. Elakkan daripada mengambil minuman beralkohol atau ubat lain yang boleh menghasilkan rasa mengantuk.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Amydramine mungkin akan berinteraksi antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Hipnotik, sedatif, trankuilizer (untuk merawat keresahan atau gangguan tidur)
- Perencat monoamine oxidase (MAOIs) untuk kemurungan
- Aminoglikosida (antibiotik)
- Antimuskarinik

Cara menggunakan Amydramine

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada

label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Kanak-kanak 2-5 tahun:

Satu sudu teh (5ml) tiga hingga empat kali sehari. Tidak melebihi 20 ml dalam masa 24 jam.

Kanak-kanak 6 tahun dan ke atas:

Dua sudu teh (10ml). Dos diulang setiap 3 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Boleh diambil sebelum atau selepas makan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Amydramine

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Amydramine.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Amydramine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Amydramine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan antihistamina termasuk rasa lali, pening, bunyi berdering di dalam telinga (tinnitus), kelesuan, ketidakseimbangan, keletihan, penglihatan kabur, penglihatan berganda (diplopia), kegembiraan yang abnormal atau berlebihan, ketakutan, insomnia dan getaran.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat

Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Amydramine

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu bilik dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair agak jernih berwarna jingga dengan perasa pisang.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Setiap 1 sudu teh (5ml) cecair mengandungi:-

Diphenhydramine HCL	7.00 mg
Sodium Citrate	28.50 mg
Menthol	0.55 mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Sodium benzoate, Citric acid, Sorbitol 70% Solution, Glycerol, Banana flavour, Sodium saccharin, Sunset Yellow, Sucrose dan air tulen.

- Nombor MAL

MAL08021486A

Pengilang

Gulf Pharmaceutical Industries (Julphar)
Digdaga, Airport Street
P.O.Box 997,
Ras Al Khaimah,
United Arab Emirates

Pemegang Pendaftaran Produk

Averroes Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
11E, Level 5, Block 1,
Worldwide Business Center Jalan
13/50, Section 13 40000 Shah Alam,
Selangor Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

24/07/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)230715/00220